'Kabinet' UUM dapat insentif

Terima elaun bulanan, keistimewaan lain sepanjang tempoh perkhidmatan

BH 18/11/05 B14 : 1

Oleh Samsudin Oli Mohamed

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) muncul institusi pengajian tinggi awam pertama yang memberi pelbagai insentif, termasuk elaun bulanan kepada ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), mulai sesi 2005/2006.

Bagi Presiden dan Setiausaha Agung, mereka diberi elaun bulanan taraf diploma, selain elaun makan di kampus ketika cuti, pengecualian yuran penginapan sepanjang tempoh perkhidmatan dalam MPP dan kursus antara tiga hingga 12 jam kredit.

Ahli MPP yang lain turut menerima keistimewaan yang sama, kecuali elaun bulanan.

Sehubungan itu, Naib Canselor UUM, Datuk Dr Nordin Kardi, meminta barisan MPP universiti itu menunjukkan contoh kepemimpinan unggul bukan saja pada peringkat kebangsaan malah antarabangsa.

"Saya mahu semua pemimpin MPP bukan saja keluar dari sempadan negara, malah membiasakan diri berada dalam budaya berbeza serta mampu mengungkapkan buah fikiran berkualiti bertaraf universiti.

"Kita tidak mahu pemimpin pelajar hanya tahu menjadi penganjur acara semata-mata, tetapi lebih aktif dalam mengharumkan nama baik universiti.

"Mereka juga perlu berlatih melakukan pengucapan awam sekurang-kurangnya sekali seminggu dalam bahasa Inggeris bagi memudahkan orang luar memahaminya," katanya selepas menyampaikan watikah pelantikan 39 ahli MPP UUM, baru-baru ini.

Othman @ Osman Mohd Shafawi dilantik sebagai Presiden, Khairil Anuar Azmi (Timbalan Presiden), Muhammad Ash Shahid Nazri (Yang Dipertua 1), Nurul Isyan Idris (Naib Yang Dipertua 2), Ahmad Nurul Iman Daud (Setiausaha Agung), Farha Afifah Muhamad (Timbalan Setiausaha Agung) dan Shahrul Amri Abdul Mutalib (Bendahari).

Dr Nordin berkata, pemberian pelbagai insentif itu bertujuan menggalakkan ahli MPP universiti itu muncul sebagai pemimpin pelajar bertaraf dunia.

Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris ahli MPP, beliau berkata, guru bahasa berkenaan disediakan bagi membolehkan mereka mahir, termasuk menjalankan mesyuarat dalam bahasa antarabangsa itu.

Katanya, pendekatan itu bukan menafikan kepentingan bahasa Melayu, tetapi untuk memantapkan pelajar dengan persekitaran antarabangsa.

Beliau juga menasihatkan ahli MPP universiti itu supaya berhati-hati dalam menjalankan aktiviti dan tidak perlu terikut-ikut dengan pendekatan popular seperti berkobar-kobar melaungkan perjuangan untuk menjaga kebajikan pelajar.

"Universiti akan menjaga kebajikan pelajar. MPP perlu berani melakukan pelbagai perubahan demi memperlihatkan kemampuan dan keupayaan mereka," katanya.

PIKUL TANGGUNGJAWAB: Othman (kanan) mengetuai barisan ahli MPP UUM melafazkan ikrar.

UUM / 8469 / BH / 18.11.2005 / P1 B14 (1)